

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

PDP 476 Kaedah Mengajar Geografi

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Proses pengajaran-pembelajaran geografi dalam KBSM dikatakan dapat melahirkan individu yang mampu memberi sumbangan terhadap kesejahteraan dan kemakmuran negara. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan kepada sukanan pelajaran geografi KBSM, menengah rendah.

[100 markah]

2. Dengan memilih salah satu tajuk dari sukanan pelajaran geografi sekolah menengah, bincangkan bagaimana tajuk itu dapat disampaikan melalui kaedah "perbincangan dalam kumpulan kecil". Tumpukan perbincangan anda kepada objektif-objektif dan konsep-konsep geografi yang hendak dicapai.

[100 markah]

3. Selain dari lawatan, cadangkan aktiviti-aktiviti yang tidak melibatkan kos yang tinggi, yang boleh dilaksanakan oleh persatuan geografi di sekolah.

[100 markah]

4. Cadangkan bagaimana siaran biasa rancangan TV dapat digunakan sebagai sebahagian daripada pengalaman edukatif murid-murid, dalam proses pendidikan geografi di peringkat sekolah menengah.

[100 markah]

5. Dengan menggunakan maklumat yang diberi di bawah ini, reka sebuah cerita supaya anda dapat gunakan dalam pengajaran geografi tingkatan satu, melalui kaedah bercerita. Sertakan juga lima soalan yang akan anda gunakan untuk menguji sejauhmana murid-murid anda telah mengikuti cerita yang anda sampaikan itu.

Gurun - kawasan tandus yang kering - kurang terdapat haiwan dan tumbuhan - hujan kurang daripada 250mm setahun - lebih kurang satu perempat dari kawasan daratan bumi terdiri dari kawasan gurun - Gurun Sahara gurun terbesar di dunia - Gurun Atacama gurun yang paling kering - Gurun Arab tidak mempunyai sungai kekal - Gurun Besar Australia meliputi hampir separuh daripada keluasan benua tersebut - gurun berbatu dipanggil hamada - gurun yang berkelikir dipanggil reg - gurun yang berpasir dan banyak mengandungi bukit-bukit pasir dipanggil erg - kesemua kawasan gurun terletak di antara 30° utara dan selatan khatulistiwa.

[100 markah]

--- 0000000000 ---